

MOU diantara UniMAP dan University of Shanghai for Science and Technology (USST)

4 Febuari 2008 - UniMAP telah mengukir nama di China dengan menjalinkan kerjasamanya dengan salah sebuah universiti di sana iaitu University of Shanghai for Science and Technology (USST). Satu MOU telah ditandatangani di antara UniMAP dan USST dimana ia telah di tandatangani oleh Naib Canselor UniMAP dan juga Pengarah Pertukaran Pelajar Antarabangsa, Prof Wu Fengyu.

Majlis tandatangan dokumen ini di saksikan oleh Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa dan juga pegawai perkhidmatan pengajian China. Perkara- perkara yang terkandung di dalam MOU ini adalah seperti kerjasama di antara UniMAP - USST yang akan membawa ke arah memantapkan lagi kedua- dua universiti ini di persada dunia pembelajaran.



USST merupakan salah satu universiti di antara 10 universiti yang terkenal di China yang telah berusia 100 tahun. USST merupakan universiti yang bukan sahaja memfokuskan kepada bidang kejuruteraan, tetapi juga dalam bidang pengurusan, perdagangan, seni, sains dan perubatan. USST mempunyai 16 kolej dan 27 buah institut penyelidikan. Seramai 12,098 pelajar, 19 pakar, dan satu institut penyelidikan perubatan.